

MAHATHIR

179

KUALA LUMPUR, 6 APRIL (BERNAMA) - DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BAHAWA RAKYAT NEGARA INI PERLU MENGUASAI BAHASA KEDUA UNTUK MENAMBAHKAN ILMU PENGETAHUAN DI BERBAGAI BIDANG HIDUP.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, INI TIDAK BERMAKNA TERSEKAT KEPADA BAHASA INGGERIS SAHAJA TETAPI TERMASUK LAIN-LAIN BAHASA YANG SEDANG MEMBANGUN SAPERTI JEPUN, FRANCHIS DAN LAIN-LAIN.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN SEMINAR PERJUANGAN POLITIK DAN KERUDAYAAN KEBANGSAAN SELAMA DUA HARI ANJURAN BERSAMA KESATUAN GURU-GURU MELAYU SEMENANJUNG MALAYSIA DAN JABATAN PENGAJIAN MELAYU UNIVERSITI MAWAYA DI SINI.

TAMBAHNYA, SELAIN BAHASA PERTAMA IAITU BAHASA KERANGSAAN, KERAJAAN JUGA MAHU PARA PELAJAR MENGUASAI BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA. 131

+BAGAIMANAPUN JIKA KITA TIDAK MAHU BELAJAR BAHASA INGGERIS, KITA BOLEHLAH PELAJAR BAHASA-BAHASA MODEN YANG LAIN+, KATANYA.

DR. MAHATHIR JUGA MENYATAKAN BAHAWA GURU-GURU BAHASA MELAYU TELAH MEMAINKAN PERANAN YANG LEBIH PENTING DARI MEREKA YANG TERPENDIDIKAN INGGERIS SEMASA LALU UNTUK MENGEMBANGKAN BAHQA MELAYU HINGGA KE PERINGKAT HARI INI.

KATANYA, MEREKALAH JUGA MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM GERAKAN MENENTANG PENJAJAH HINGGA NEGARA MENCAPAI KEMERDEKAAN. -- BERSAMBUNG 1248/1B

EE

B521:

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI PERANAN YANG DIMAINKAN OLEH GURU-GURU BAHASA MELAYU MASA LALU, BELIAU BERKATA MEREKA TELAH MEMAINKAN PERANAN PENTING SEHINGGA TARAF BAHASA MALAYSIA SEKARANG TELAH MENINGKAT. DENGAN TINGGI.

KATANYA, MEREKA JUGA MEMAINKAN PERANAN DALAM GERAKAN MENENTANG PENJAJAHAN SEHINGGA NEGARA DAPAT MENCAPAI KEMERDEKAAN.

TAMBAHNYA, SEMINAR ITU MEMBOLEHKAN RAKYAT MEMANDANG KE BELAKANG UNTUK MENGENANG JASA-JASA MEREKA ITU KEPADA NEGARA. -- BERNAMA 1250/1B